


Kadar komersial hasil penyelidikan 4 peratus

Norhisam (kiri) menunjukkan cara penggunaan E-Cutter dan Oil Palm Harvester yang dirasmikan Idris Jusoh di Ladang Sawit UPM, semalam.
[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]



Serdang: Malaysia mencatat kadar pengkomersialan sebanyak empat peratus daripada lebih 4,000 harta intelek yang sudah dihasilkan pelbagai institusi seluruh negara sepanjang tempoh lima tahun lalu. Menteri Pendidikan Tinggi,

Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pencapaian itu menyaksikan Malaysia tidak ketinggalan jauh daripada negara maju seperti Amerika Syarikat yang berada pada kadar 4.5 peratus. Sehubungan itu, beliau ber-

kata, tanggapan bahawa universiti awam (UA) tempatan tidak mampu mengkomersialkan hasil penyelidikan adalah kurang tepat, lebih-lebih lagi banyak harta intelek berjaya dihasilkan sejak tahun 1990-an.

Pengkomersialan idea

“Dari segi pengkomersialan idea, Malaysia menduduki tempat keenam dunia. Bagaimanapun, masyarakat lebih berminat dengan pengkomersialan produk yang sebenarnya di bawah tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Kebanyakan penyelidikan di UA bersifat fundamental yang memakan masa, justeru pengkomersialan idea boleh dijalankan serentak. Ini antara cara menjana kekayaan menerusi penyelidikan, latihan, penerbitan, kerja perundingan dan pembangunan bakat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis Showcase Produk Inovasi Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Malaysia Innovation Hub (MIH) di UPM, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Pengerusi MIH, Tan Sri Dr Ghouth Jasmun.

Pada majlis itu, penyelidik UPM dari Fakulti Kejuruteraan, Prof Madya Dr Norhisam Mison, memperkenalkan produk inovasinya, E-Cutter yang dibangunkan bersama MPOB.